

MESYUARAT KOLABORASI KEBANGSAAN KE 17

Mesyuarat Kolaborasi Kebangsaan ke-17 (#NCM17) Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia akan diadakan pada 14 hingga 17 Oktober 2015 (Rabu-Sabtu) bertempat di Penview Hotel, Kuching. Persatuan Pengasuh Kanak-kanak Berdaftar Sarawak (PPBS) akan menjadi tuan rumah untuk (NCM) dengan dengan kerjasama Persatuan Pengasuh Kanak Kanak Berdaftar Miri (PPKBM), Persatuan Pengasuh & Pendidikan Awal Kanak Kanak Sarawak (3 PAKS) and Persatuan Pengasuh Kanak Kanak Berdaftar Sibu (PPKBS). Majlis Perasmian (NCM) akan berlangsung pada 15 Oktober 2015 dan akan dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato Sri Rohani Abdul Karim.

Sebagai pertubuhan terbesar Sektor Pengasuhan & Pendidikan Awal Kanak-kanak (PPAKK), Ahli Jawatankuasa Eksekutif PPBM dan Persatuan Negeri/Daerah telah mengadakan perjumpaan pada bulan Oktober setiap tahun untuk (NCM) sejak tahun 1999 untuk membincangkan isu-isu semasa dan seterusnya memberi cadangan kepada pihak kerajaan untuk mengubal undang-undang, dasar, peraturan dan program. Ini adalah bertujuan untuk membina rangkaian pusat-pusat pengasuhan kanak-kanak yang berkualiti serta menawarkan harga yang dibawah kemampuan terutamanya memberi perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak bagi ibubapa yang bekerja dan juga ibu bapa tunggal.

Setakat ini, terdapat 4842 buah pusat pengasuhan kanak-kanak berdaftar yang menyediakan perkhidmatan pengasuhan kanak-kank untuk kira-kira 65,000 kanak-kanak. Ini telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara di dunia yang mempunyai statistik paling rendah dalam perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak iaitu pada 4% sahaja. Ini tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan 2.9 juta kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Di bawah NKEA, EPP1, PEMANDU telah menganggarkan bahawa pada tahun 2020, negara Malaysia perlu mempunyai sekurang-kurangnya 13,200 pusat penjagaan kanak-kanak untuk memenuhi keperluan kanak-kanak kerana lebih ramai wanita akan memasuki alam pekerjaan. Meskipun pusat-pusat penjagaan kanak-kanak berdaftar masih kurang, kiraan ini tidak termasuk beribu-ribu pusat tidak berlesen yang ditubuhkan di merata-rata tempat di kalangan masyarakat kita. Selain daripada isu ini, sektor ini juga menghadapi isu –isu yang berkaitan dengan kualiti perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak dengan isu-isu seperti pengasuh tidak terlatih, permintaan yang tinggi daripada ibu bapa, kos tinggi (nisbah pengasuh;kanak-kanak tinggi/limitasi ruang/isu perlesenan/cukai perkhidmatan/dan lain-lain) dan ibu bapa tidak berkemampuan untuk membayar yuran anak.

NCM adalah platform perundingan untuk mewujudkan perancangan dan kerjasama dalam mewujudkan pengasuhan berkualiti untuk kanak-kank di bawah empat tahun. NCM juga bertujuan untuk menyediakan platform untuk menangani isu-isu utama sektor Pengasuhan & Pendidikan Awal Kanak-kanak (PPAKK) dengan KPWKM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga untuk merancang Pelan Tindakan Kebangsaan untuk masa akan datang. YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan hadir pada 16 Oktober untuk Sesi Dialog PPAKK bersama peserta.

Selain membincangkan isu-isu semasa dan cabaran PPAKK, NCM juga akan fokus kepada pembangunan semua NGO dalam kolaborasi ini untuk membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak yang berkualiti kepada semua Ahli Jawatankuasa Eksekutif. Perkongsian amalan terbaik agar kanak-kanak mempunyai permulaan yang terbaik dalam perkembangan keseluruhan, dalam bidang pemakanan, kesihatan, keselamatan dan perlindungan mereka adalah penting sebagai jaminan untuk pelaburan dalam bidang perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak.

Pada 15 Oktober (Khamis) pukul 6.30-9.30 malam, para peserta NCM juga akan menyertai Majlis Makan Malam PPBS sempena sambutan ulang tahun ke-25 sebagai salah sebuah Persatuan Negeri yang telah wujud paling lama sekali dalam sektor PPAKK. Antara aturcara yang akan diadakan adalah pertunjukan fesyen kanak-kanak, "PhotoBooth", Sesi Cabutan Bertuah, dan penyampaian sumbangan derma daripada PPBS kepada "Sarawak Society for the Deaf" dan Pusat Jagaan Kanak-kanak D'Wira. Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah akan menjadi tetamu kehormat untuk majlis tersebut.

Dalam masa 5 tahun akan datang iaitu pada tahun 2020, maka sektor pengasuhan kanak-kanak harus diperkembangkan lagi bagi mencapai matlamat untuk mewujudkan pengasuhan yang berkualiti. Seterusnya adalah untuk memastikan semua kanak-kanak di bawah empat tahun dapat melalui permulaan hidup yang terbaik tanpa mengira status kehidupan mereka. Perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak adalah satu cabaran yang besar dengan mengambil kira peningkatan kos dan permintaan untuk perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak. Untuk mencapai kualiti pengasuhan yang mantap, semua pihak harus bekerjasama dengan giat untuk meningkatkan profesionalisma masing-masing. NCM memperjuangkan slogan "Moving as One Towards Quality Childcare" untuk tujuan memanfaatkan kanak-kanak kita.

Mengenai PPBM

Persatuan Berdaftar Pengasuh Malaysia atau Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) adalah pertubuhan terbesar NGO yang mewakili sektor PPAKK dengan 21 Persatuan Negeri / Daerah dengan kerjasama badan kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan orang ramai untuk menyokong pengasuhan berkualiti yang mampu dimiliki dan boleh diakses oleh kanak-kanak di bawah 4 tahun.

Untuk maklumat lanjut mengenai PPBM, sila layari laman web PPBM: www.ppbm.org
Atau sertai PPBM di Facebook: www.facebook.com//PPBMOfficial

Mengenai PPBS

Persatuan Pengasuh Berdaftar Sarawak juga dikenali sebagai Persatuan Pengasuh Kanak-kanak Berdaftar Sarawak (PPBS) adalah sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan yang telah ditubuhkan sejak tahun 1990 untuk menjaga kepentingan dan kebajikan kanak-kanak dan penyedia perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Sarawak.

Untuk maklumat lanjut mengenai PPBS, sila layari laman web PPBS: www.ppbsarawak.org

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Datin PH Wong, Presiden PPBM (016-333 4228, phwong@ppbm.org)

Puan Jameyah Sheriff, Pengarah Eksekutif PPBM, Pengerusi Bersama # NCM17 (017-483 9207, jameyah@ppbm.org)

Puan Ng Lee Boon, Presiden PPBS (019- 816 1658, ngeeboon73@yahoo.com)

Cik Faith V. Jap, PPBS, Pengerusi Bersama # NCM17 (010- 964 8375, kdcaquarius127@gmail.com) PPBM Pejabat: 03-78801367 E-mel PPBM : enquiry@ppbm.org